

# **AWER mahu audit ke atas bekalan air dan elektrik di pedalaman | BorneoPost Online | Borneo , Malaysia, Sarawak Daily News**

---

Posted on October 10, 2011, Monday

**KUALA LUMPUR:** Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) meminta agar Ketua Audit Negara melaksanakan audit keseluruhan bagi program bekalan air dan elektrik di pedalaman.

Presidennya, S. Piarapakaran berkata, langkah itu untuk mengukur pencapaian program yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2010, 2011 dan 2012, selain memastikan semua rakyat Malaysia tidak kira status mendapat kemudahan asas.

“Terdapat juga beberapa aduan mengenai kekurangan penyelenggaraan seperti panel-panel solar dilitipi dengan lumut disebabkan kekurangan penyelenggaraan selepas kontraktor memasangnya,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Piarapakaran berkata, berdasarkan kajian persatuan itu terhadap Belanjawan 2010 hingga kini, terdapat peningkatan yang memberangsangkan untuk memperbaiki situasi bekalan air dan elektrik di kawasan pedalaman.

Beliau berkata, ia merupakan langkah yang baik dan patut diteruskan pada masa akan datang.

Bagaimanapun, katanya, adalah penting untuk kerajaan merekod dan memantau semua kerja yang dilakukan dengan teliti untuk memastikan program bekalan air dan elektrik pedalaman masih berfungsi dengan baik.

Piarapakaran berkata, AWER turut mencadangkan agar Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Suruhanjaya Tenaga dibenarkan menyelia serta memastikan program-program ini dilaksanakan dengan berkesan di seluruh negara.

“Komuniti pedalaman juga perlu dididik untuk melakukan penyelenggaraan asas bagi mewujudkan pekerja separuh mahir dalam komuniti ini,” katanya. — Bernama

[- Next Entry >>](#)